

1607MST 31 10 8 4
D787

U B774 DES

MAHATHIR - KAMPUNG 1984
KUALA LUMPUR, 31 OKT. (BERNAMA) -- BEBERAPABUAH KAMPUNG DI SELURUH NEGARA TELAH DIKENALPASTI UNTUK PELAKSANAAN PROJEKPERCUBAAN DIBAWAH RANCANGAN KERAJAAN UNTUK MEMODENKAN KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI BERKATA PROJEK PERMODENAN KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL ITU AKAN DILAKSANAKAN OLEH AGENSI-AGENCI BERKAITAN DENGAN PEMBANGUNAN DESA TERMASUK KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI.

+ KERAJAAN JUGA SEDANG MENGAJI PROSES UNTUK MENGENALPASTI SEGALA INDUSTRI DAN INFRASTRUKTUR LAIN YANG BOLEH DIADAKAN DI KAMPUNG-KAMPUNG ITU, + TAMBAHNYA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN KABINET DI PEJABATNYA.

DR. MAHATHIR MENJELASKAN PELAKSANAAN PROJEK ITU AKAN DIJALANKAN DENGAN PERUNTUKAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI TANPA MEMERLUKAN PERUNTUKAN TAMBAHAN YANG KHUSUS.

DI BAWAH PROJEK ITU YANG DIGARISI DALAM KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT, KAMPUNG-KAMPUNG TRADISIONAL YANG TERPENCIL DAN BERSELERAK AKAN DIKELOMPOKKAN MENJADI SEBUAH KAMPUNG BESAR DENGAN SEGALA KEMUDAHAN TERMASUK KILANG-KILANG DAN BANDAR YANG BERDEKATAN SEBAGAI SUMBER PEKERJAAN KEPADA PARA PENDUDUK. ---BERNAMA
1601MST 31 10 8 4